

**NO. SOALAN: 4**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI SALIM SHARIF**  
**TARIKH : 13.03.2019 ( RABU )**

**Dato' Haji Salim Sharif [ Jempol ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan keberkesanan mekanisme baharu untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui subsidi petrol RON95 secara bersasar dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat luar bandar yang terletak jauh di pedalaman serta berjauhan dari stesen minyak.

**NO. SOALAN: 37**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR**  
**TARIKH : 14.03.2019 ( KHAMIS )**

**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah sistem subsidi bersasar bagi petrol RON95 yang akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2019 ini tidak akan membebankan rakyat semasa mengisi petrol di stesen minyak.

**NO. SOALAN: 6**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI**  
**TARIKH : 9.04.2019 ( SELASA )**

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mekanisme pengagihan subsidi petrol secara bersasar kepada motosikal 125cc dan kereta 1,500cc ke bawah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Terlebih dahulu izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali pertanyaan daripada **Yang Berhormat Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru]** pada 14 Mac 2019 dan **Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]** pada 9 April 2019 kerana menyentuh berkenaan mekanisme penyampaian subsidi petrol secara bersasar yang akan dilaksanakan pada suku tahun kedua 2019.

Pemberian subsidi petrol dan diesel secara pukal pada masa ini membolehkan semua lapisan pengguna menikmati harga runcit di pam tanpa mengira tahap pendapatan dan kerakyatan. Ini menyebabkan Kerajaan menanggung beban subsidi yang tinggi. Pelaksanaan subsidi bersasar adalah satu langkah Kerajaan bagi mengurangkan tanggungan subsidi dan pada masa yang sama dapat memastikan subsidi petrol dan diesel hanya dinikmati oleh golongan yang memerlukan sahaja.

Kerajaan akan memberikan **bantuan subsidi petrol sebanyak 30 sen seliter terhad kepada 100 liter sebulan bagi kereta atau 40 liter sebulan bagi motosikal.** Belanjawan 2019 telah mengumumkan peruntukan sebanyak **RM2 bilion bagi program subsidi petrol bersasar** ini dan dijangka akan memanfaatkan seramai 4 juta pemilik kereta dan 2.6 juta pemilik motosikal. Dengan bantuan subsidi ini, ia akan membantu **golongan B40 untuk membeli petrol pada harga yang lebih rendah.**

Kerajaan sedang memastikan mekanisme pemberian subsidi ini dapat mensasarkan hanya golongan yang benar-benar layak menerima bantuan, termasuk masyarakat luar bandar dan pedalaman. Mekanisme ini adalah penting supaya bantuan Kerajaan akan sampai kepada semua penerima walau di mana mereka berada.

## NO. SOALAN: 4

Kementerian ini bekerjasama rapat dengan Kementerian Kewangan untuk memastikan ciri-ciri utama yang perlu ada pada mekanisme subsidi petrol bersasar adalah seperti berikut:

- i. **Seamless.** Sistem pelaksanaan subsidi bersasar mestilah berlangsung dalam keadaan lancar dan memudahkan pengguna.
- ii. **Security.** Sistem subsidi perlu mempunyai ciri-ciri keselamatan tinggi untuk mendapat kepercayaan orang awam bahawa sistem ini tidak boleh disalah guna dan mengurangkan berlaku ketirisan.
- iii. **Acceptance.** Sistem yang mudah dan boleh digunakan di semua stesen minyak yang terdapat di Malaysia sama ada di bandar atau luar bandar.